

# Litar pintas punca kapal tangki meletup — PM

UM - 3 OCT 2002

**P**ETALING JAYA 8 Okt. — Kebakaran serta letupan yang berlaku ke atas kapal tangki super MT Limburg milik Perancis yang disewa oleh Petroleum Nasional Bhd. (Petronas) adalah berpunca daripada masalah litar pintas elektrik dan bukannya perbuatan kumpulan penganas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah dimaklumkan oleh Petronas bahawa kejadian itu tiada kaitan dengan penganas seperti yang dilaporkan oleh sebuah agensi berita asing.

“Saya diberitahu bahawa (kebakaran) ini adalah kerana pintasan elektrik (pada bahagian) brek.

“Kapal ini bawa minyak. Bila ada kebakaran sikit sahaja ia (mudah) merebak.

“Ini laporan daripada Petronas dan mereka tak mengesyaki ada apa-apa (perbuatan) sabotaj,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ekono-

mi Malaysia-China bertemakan Cabaran-Kesan dan Prospek, di sini hari ini.

Persidangan sehari itu dihadiri 1,800 peserta terdiri daripada ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua buah negara.

Sebelum itu, Dr. Mahathir ditanya sama ada kebakaran itu adalah petanda bahawa terdapat kumpulan penganas yang mahu bermusuhan dengan negara ini dengan melakukan serangan ke atas kapal tangki tersebut.

Kelmarin, kapal tangki MT Limburg seberat 157,833 ton telah meletup dan terbakar di perairan Yamen ketika menunggu kapal pemandu sebelum memasuki pelabuhan Mina Al-Dabah, menyebabkan seorang daripada 25 orang anak kapalnya hilang.

Kenyataan awal yang dikeluarkan mengenai punca kejadian itu berbeza dengan pengumuman kerajaan Yamen yang mengatakan ia berpunca daripada kebakaran dalaman manakala laporan dari

Paris pula mendakwa ia akibat serangan penganas.

Semalam, Petronas mengesahkan bahawa kapal tangki MT Limburg itu disewa oleh anak syarikatnya, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) untuk membawa minyak mentah ke Melaka.

## Mentah

Menurut Petronas, kapal itu memuatkan kira-kira 400,000 tong minyak mentah dari Ras Tanura, Arab Saudi dan dalam perjalanan untuk memuatkan 1.5 juta tong minyak mentah di Ash Shihr, Yamen, ketika kejadian itu berlaku.

Kejadian itu telah menimbulkan spekulasi mengenai punca letupan tersebut berikutan percanggahan kenyataan yang dikeluarkan di samping berlaku berhampiran tempat serangan berani mati menggunakan bot yang dimuatkan dengan bahan letupan ke atas kapal pemusnah Amerika

Syarikat (AS), USS Cole pada Oktober 2000.

Bulan lalu, Tentera Laut AS mengeluarkan amaran yang kapal minyak mungkin akan menjadi sasaran serangan oleh rangkaian kumpulan al-Qaeda di Teluk.

Kumpulan itu didakwa oleh AS terbabit dalam serangan 11 September tahun lalu yang memusnahkan Pusat Dagangan Dunia di New York.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, berdasarkan laporan itu juga, kerajaan tidak mengesyaki kejadian tersebut melibatkan mana-mana kumpulan penganas.

Sebaliknya, tegas beliau, hanya stesen televisyen satelit CNN sahaja yang mengesyaki ia perbuatan penganas.

“Itu CNN yang syak. CNN syak semua (orang),” katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia tidak bercadang memperketatkan visa ke atas rakyat negara tertentu seper-

ti yang diamalkan oleh AS dan Kanada sekarang.

Sambil menyifatkan langkah tersebut sebagai ‘tidak masuk akal’, beliau berkata, tindakan itu juga tidak akan berkesan dalam usaha mengawal kemasukan pelawat ke negara ini.

“Tindakan itu cuma boleh mengganggu dan kita tidak mahu mengganggu mereka yang ingin ke Malaysia,” katanya.

Baru-baru AS mengetatkan syarat kemasukan rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam. Kanada pula mulai 24 September lalu menguatkuasakan peraturan yang menghendaki rakyat Malaysia yang ingin berkunjung ke negara tersebut memohon visa penduduk sementara dengan alasan pasport pintar negara ini mudah disalahgunakan.

Selama ini, rakyat Malaysia dibenarkan memasuki Kanada tanpa perlu menggunakan visa kerana kedua-dua negara adalah anggota Komanwel.